

AGENDA 11

Meluluskan Pelantikan Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

MAPT KE-44

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk kelulusan perwakilan berkaitan cadangan pelantikan firma audit untuk mengaudit akaun dan penyediaan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

LATAR BELAKANG

2. Susulan mandat MAPT Ke-43, Lembaga telah melantik Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT (ASK) untuk mengaudit akaun dan menyediakan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan 2024. Kerja-kerja yang dilaksanakan ASK menepati masa dengan yuran audit yang berpatutan. ASK sekali lagi menawarkan diri sebagai juruaudit luar bagi tahun 2025.
3. Lembaga berpendapat ASK sesuai dilantik semula untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2025.
4. ASK juga merupakan juruaudit yang berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Garis Panduan 26: Juruaudit Yang Diberi Kelulusan Mengaudit Di Bawah Seksyen 61 Akta Koperasi 1993 (GP26) iaitu:
 - (a) diluluskan mengaudit oleh SKM;
 - (b) mempunyai lesen amal dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA);
 - (c) memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia; dan
 - (d) berdaftar dengan Lembaga Pemantau Audit (AOB) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

SYOR

5. Adalah disyorkan ASK dilantik semula untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2025.
6. Agenda ini dibentangkan untuk kelulusan perwakilan.

MAPT KE-44